

SSMP BBQ Nite

Othman Ismail

SSMP BBQ Nite telah dianjurkan oleh Kelab Rekreasi SSMP pada 4 Oktober 2013 di ruang legar bangunan SSMP. Objektif utama acara ini adalah untuk mengeratkan hubungan silatuhrrahim antara kakitangan SSMP. Acara tersebut turut dimeriahkan dengan kehadiran ahli keluarga kakitangan SSMP.



SSMP BBQ Nite menyediakan pelbagai juadah seperti ikan, sotong dan udang bakar, soto, pecal, nasi goreng, buah-buahan, kek dan sebagainya. Di samping menikmati makanan yang menyelerakan, pelbagai aktiviti diadakan bagi memeriahkan malam tersebut antaranya pertandingan pingpong, permainan Dam Haji, kuiz Ria, sesi karaoke dan cabutan bertuah. Pertandingan pingpong bagi kategori lelaki telah dimenangi oleh En. Mansoor Abdul Hamid manakala bagi kategori wanita kemenangan dirangkul oleh Dr. Lee Jau Shya. Bagi acara pertandingan Dam Haji, saudara Othman Ismail menjadi juara untuk kategori terbuka lelaki dan wanita. Acara kuiz Ria yang dipertandingkan menjadi tumpuan pada malam tersebut dengan pelbagai gelagat lucu peserta. Pasukan Pn. Siti Nurliza dan Cik Erna Jefren telah menjuarai acara kuiz Ria ini.



Acara pada malam tersebut diselang-selikan dengan nyanyian karaoke oleh kakitangan SSMP dan juga aktiviti cabutan bertuah yang dinanti-nantikan oleh semua yang hadir. Kelab Rekreasi SSMP merakamkan penghargaan atas sumbangan beberapa hadiah utama bagi cabutan bertuah pada malam tersebut oleh pelbagai pihak antaranya syarikat Atikah Enterprise, Sutera Harbour Resort dan Hotel Le Meridien. Kesemua ahli kelab yang hadir tidak pulang dengan tangan kosong dan turut merasa gembira pada malam tersebut kerana telah membawa balik cenderamata yang diberikan.

Kelab Rekreasi SSMP merasa berbesar hati atas kerjasama dan komitmen para AJK dan ahli dalam menganjurkan SSMP BBQ Nite ini dengan jayanya. Diharap aktiviti ini dapat menambah jalinan kemesraan antara kakitangan SSMP seterusnya mengeratkan persefahaman dan kerjasama dalam satu pasukan untuk kejayaan SSMP pada masa akan datang.

